

02 NOV 1999

LEBIH 1.3 JUTA TELAH MENDAFTAR BAGI "BERJALAN UNTUK NEGARA"

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Lebih 1.3 juta rakyat Malaysia telah mendaftar untuk menyertai program "Berjalan Untuk Negara" yang akan berlangsung secara serentak di seluruh negara pada Sabtu ini, menurut kenyataan Kementerian Belia dan Sukan hari ini.

Perak masih menjadi negeri yang mempunyai paling ramai peserta iaitu 151,500 diikuti Sabah (122,090), Johor (121,455), Pahang (118,239), Kelantan (117,357), Sarawak (115,997) dan Kuala Lumpur (112,457).

Negeri-negeri lain pula ialah Selangor (98,010), Terengganu (85,350), Pulau Pinang (65,900), Negeri Sembilan (54,500), Melaka (43,501), Perlis (37,500) dan Labuan (11,450).

Bagaimanapun, jumlah penyertaan itu adalah kurang daripada matlamat 2 juta pihak penganjur dengan tarikh tutup bagi menyertai program tersebut adalah esok.

"Berjalan Untuk Negara" yang meliputi 293 lokasi di 116 daerah merupakan program khas bagi mendapatkan sokongan rakyat terhadap usaha negara menawarkan dirinya untuk menganjurkan Sukan Asia 2006.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai program itu pada peringkat kebangsaan di Taman Tasik Titiwangsa.

Pelbagai hadiah disediakan untuk pemenang-pemenang cabutan bertuah pada hari pelancaran itu termasuk Proton Wira 1.6, Perodua Kembara, motosikal Modenas Jaguh dan Kriss serta Suzuki dan Honda.

-- BERNAMA

MHI zb